

09/01/2002

Malaysia dijemput serta TiE

MALAYSIA terus mencatatkan sejarah apabila dijemput menyertai The IndUS Entrepreneurs (TiE), bagi membolehkan lebih banyak syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan mempelajari kejayaan firma India yang berpangkalan di Lembah Silikon, Amerika Syarikat.

TiE, pertubuhan bukan berasaskan keuntungan antarabangsa yang bertunjangkan falsafah memanfaatkan kelebihan pengurusan syarikat ICT Lembah Silikon, mempunyai tradisi keilmuan antara guru dan murid ketika menyampaikan ilmu.

Tradisi itu membenarkan hubungan mentor-mentee dijalinan lebih erat menerusi pertukaran maklumat dan pengetahuan antara kedua-duanya.

Melalui kaedah ini, usahawan yang berjaya boleh berkongsi pengalaman membimbing usahawan Malaysia menerokai pasaran antarabangsa ICT.

TiE cawangan Malaysia akan dilancarkan pada 22 Januari ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianggotai ramai pakar dan usahawan ICT tempatan yang sudah menempa nama dalam industri berkenaan.

Antaranya ialah Mirzan Mahathir dan Presiden yang juga Ketua Eksekutif Mimos Bhd, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen.

TiE kini dianggotai 800 usahawan antarabangsa di 39 lokasi di seluruh dunia yang mana dianggarkan ahli TiE menyumbangkan perolehan sebanyak RM760 bilion dalam industri ICT dunia.

Antara ahli TiE ialah Presiden Sun Microsystems, Masood Jabbar; pengasas mel elektronik percuma Hotmail, Sabeer Bhatia; bekas Pengerusi dan Ketua Eksekutif AST Research, Safi Qureshey dan Pengasas Infosys, Narayana Murthi.

Pembabitan Malaysia dalam TiE adalah bertepatan dengan langkah kerajaan mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC), untuk menggalakkan pertumbuhan industri ICT dan multimedia negara.

Menerusi TiE, syarikat ICT Malaysia sama ada yang berstatus MSC atau tidak, boleh menggunakan jaringan perniagaan yang ada untuk mempelajari dan menembusi pasaran ICT antarabangsa.

(END)